

BUKU KERJA BAHASA MELAYU

BudiMAN

Berdasarkan Buku Teks KSSR SEMAKAN

BAHASA MELAYU

SJKC

国文 5A

100% Berdasarkan Buku Teks Baharu

KSSR
(SEMAKAN 2017)

- ♦ Menepati kehendak **KSSR Semakan** dan **DSKP**
- ♦ Menerapkan **Soalan KBAT**
- ♦ **Kamus Mini** Maksud dalam Bahasa Cina
- ♦ **Penilaian Tema** (Tema 1-4) Berpandukan Format Penilaian
- ♦ **Penilaian Pertengahan Tahun** merangkumi semua topik buku teks
- ♦ **Jawapan lengkap** disediakan



SUMBER
DIGITAL

Nama:

Kelas:

Sekolah:

Pemahaman: Bahagian A

Kertas Pemahaman (Bahagian A)

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jiran ialah sekelompok masyarakat yang tinggal berhampiran antara satu dengan yang lain. Jiran kita mungkin terdiri daripada pelbagai bangsa. Oleh yang demikian, semangat kejiranan amat penting bagi mewujudkan suasana yang harmoni.

Semangat kejiranan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Hal ini dapat dilaksanakan melalui amalan kunjung-mengunjung semasa perayaan atau sambutan hari kebesaran sesuatu kaum. Menerusi amalan ini, masyarakat yang berbilang bangsa dapat beramah mesra dan saling menghormati.

Selain itu, semangat kejiranan dapat mewujudkan masyarakat yang cakna. Sekiranya seseorang itu ditimpa musibah, jiran-jiran yang lain akan datang membantu. Mereka akan menghulurkan bantuan bagi **meringankan beban** yang ditanggung oleh jiran mereka.

Seterusnya, semangat kejiranan dapat memudahkan tugas yang perlu dilaksanakan oleh penduduk di suatu kawasan kejiranan. Segala kerja dapat dilakukan dengan cepat kerana adanya kerjasama dalam kalangan jiran. Mereka akan tolong-menolong bagai aur dengan tebing.

- 1 Jiran ialah
 - A saudara-mara kita.
 - B kenalan yang rapat dengan kita.
 - C masyarakat yang saling membantu.
 - D orang yang tinggal berdekatan dengan kita.
- 2 Mengapakah amalan kunjung-mengunjung amat digalakkan?
 - A Amalan itu amat disukai oleh kanak-kanak.
 - B Amalan itu dapat memupuk perpaduan kaum dalam masyarakat.
 - C Amalan itu sering dilakukan pada musim perayaan.
 - D Amalan itu sudah diamalkan oleh masyarakat terdahulu.

- 3 Jika jiran kita ^{被击中} ditimpa musibah, kita perlu
 - A bersatu padu.
 - B beramah mesra.
 - C saling menghormati.
 - D memberikan pertolongan.

- 4

Pada suatu hari, Li Meng ternampak paip air di luar rumah jirannya terbuka. Jirannya tiada di rumah pada masa itu. Li Meng segera menutup paip air itu.

Sikap Li Meng perlu dipuji kerana dia

- A sabar.
- B mesra.
- C pemaaf.
- D prihatin.

Hari:

Tarikh:

5 Rangkai kata **meringankan beban** dalam petikan bermaksud

- A menyelamatkan diri.
- B melepaskan kemarahan.
- C mengurangkan masalah.
- D menghilangkan kesusahan.

Sistem Bahasa: Bahagian B

Kertas Pemahaman (Bahagian B)

A Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.

menyumbangkan ^{贡献}	bersepakat ^{同意}	memiliki ^{拥有}
berakhir ^{结束}	menyertai ^{参加}	berbual

Pada minggu lalu, aktiviti gotong-royong ^{美化} menceriakan Taman Melur diadakan. Semua peserta yang ① _____ aktiviti itu bekerjasama sebagai satu ^{组别} pasukan. Penduduk kampung masing-masing ② _____ tenaga dengan penuh semangat tanpa ^没 ^{希望} mengharapkan sebarang ^{奖赏} ganjaran. Kerja-kerja yang dijalankan dapat ^{被结束} disudahkan dalam masa yang ^{短时间} singkat kerana semua peserta ③ _____ dalam aktiviti yang dijalankan. Sebelum acara itu ④ _____ ^{宴会}, semua peserta menikmati jamuan yang disediakan.

[4 markah]

- B** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

^{风大} kencang	^歪 condong	hangit ^{刺激}
^热 hangat ^{热烈}	akrab ^{亲密}	cetek ^浅

- 1 Penduduk Kampung Meru bersepakat untuk menebang pokok kelapa yang _____ itu.
- 2 Hubungan Encik Kam dengan Encik Dahlan sangat _____.
- 3 Ketika kakak membuka tingkap, dia tercium bau _____ dari rumah jirannya.
- 4 Angin _____ dan ribut petir dijangka (melanda) kawasan Pantai Morib esok.
- 5 Majlis Ramah Mesra itu mendapat sambutan _____ daripada penduduk setempat.

[5 markah]

ialah 后面名词
adalah 后面介词 untuk/dari
→ 形容

- C** Garisi jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- 1 Tujuan Program Ziarah Cakna diwujudkan (ialah, adalah) untuk membantu penduduk yang memerlukan bantuan.
- 2 Tajuk syarahan yang disampaikan oleh Mui Ling (ialah, adalah) "Muafakat Membawa Berkat".
- 3 Ketua Biro Kebajikan Taman Anggerik (ialah, adalah) Encik Chan Ah Meng.
- 4 "Jawapan yang kamu berikan itu (ialah, adalah) tepat," kata Daud kepada rakannya.
- 5 Bangunan berwarna biru itu (ialah, adalah) Dewan Komuniti Taman Muhibah.

[5 markah]